

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 8



Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying

PTAR Cawangan Johor - muka 15



Program PTDI bersama Pelukis: Art As Therapy

PTAR Cawangan Johor - muka 16



Bengkel Systematic Literature Review: Komunikasi Dalam Matematik

PTAR Cawangan Kelantan - muka 22



100 Days of Reading Challenges Sempena Program UiTM Penang Baca

PTAR Cawangan Pulau Pinang - muka 29



Promosi@PTAR

Pada 12 hingga 27 Julai 2021, Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang telah mengadakan program Book Review 2.0 yang telah dijalankan di kedua-dua kampus iaitu Jengka dan Raub. Pelaksanaan program di Perpustakaan Al-Bukhari Kampus Jengka tertumpu kepada koleksi buku fizikal yang terdapat di perpustakaan. Manakala Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Raub memfokuskan koleksi bahan digital iaitu eBook. Program Book Review kali ini bertemakan 'Motivation' sesuai dengan situasi pada ketika itu di mana media banyak menyatakan tentang masalah mental masyarakat yang semakin serius terutamanya dikalangan pelajar dan itu merupakan antara faktor utama Book Review@PUiTM Pahang 2.0 bertemakan motivasi. Berikutan masalah yang kian meruncing ini, pihak Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang mengambil inisiatif untuk mengajak pembaca mencari sudut positif yang lebih baik untuk meneruskan kehidupan melalui koleksi bahan yang terdapat di Perpustakaan.

Program Book Review@PAB 2.0 kali ini perlu menghasilkan dua perkongsian buku motivasi iaitu melalui medium video serta poster daripada Canva. Program ini dianjurkan untuk menggalakkan pembacaan di kalangan staf Perpustakaan serta mempromosikan koleksi perpustakaan yang sedia ada kepada pengguna luar. Program ini juga merupakan salah satu inisiatif Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) bagi meningkatkan kemahiran penyampaian maklumat yang lebih berkesan dengan penghasilan video review serta poster mengikut kreativiti individu selaras dengan SDG 4 iaitu 'Quality Education'. Tempoh durasi masa setiap review perlulah sekurang-kurangnya 2 minit dengan menggunakan pilihan bahasa yang selesa iaitu sama ada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan kemahiran yang diperolehi daripada bengkel Canva sebelum ini dapat digunakan untuk menghasilkan poster bagi program Book Review@PAB 2.0. Diharap dengan usaha perkongsian buku motivasi ini dapat meningkatkan semangat pengguna serta pembaca yang menonton di YouTube atau di laman sesawang PUiTM Pahang.

Let's Review MOTIVATIONAL BOOKS!
@PUiTM PAHANG 2.0
AKTIVITI SEMPERA PKP 3.0

1. Semua staf PAB diminta untuk PINJAM & BENARAKAN 20 tajuk buku Motivasi/jalan masa yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang di link: <https://bit.ly/Bookreview52>
2. Tazkir! Puan diraja tulok membuat 2 (DUA) book review/ perkongsian buku motivasi menggunakan dua medium yang berbeza iaitu 1 (SATU) dalam bentuk VIDEO menggunakan telefon bimbit dan 1 (SATU) dalam bentuk POSTER menggunakan CANVA

Isi perkongsian book review hasil video:

1. Perkenalkan diri.
2. Tajuk buku yang dipilih dan sebab buku itu dipilih.
3. Kongsi 5 isi penting daripada buku tersebut.
4. Nyatakan kaedah untuk pengguna dapatkan buku tersebut.
5. Durasi perkongsian buku sekurang-kurangnya 2 minit. (Video mengikut kreativiti individu)

Isi perkongsian Poster:

1. Nama, Jawatan dan Unit
2. Kongsi 5 isi penting buku yang dibaca.
3. Sertakan cara bagaimana pengguna boleh dapatkan buku tersebut.
4. Letak gambar buku yang dipilih (Rekaan mengikut kreativiti individu)

Kaedah rekod:

1. Perlu merakod secara "landscape" jika tuan puan menggunakan telefon pintar.
2. Rakaman perlu mempunyai "lighting" yang secukupnya.
3. Kaedah rakaman yang santai.

Video perlu dihantar pada 27 Julai 2021 (Selasa) jam 5 petang.

libraryalbukhari | @pabpahang | #pabpahang | #pabpahanglibrary | #pabpahanglibrary



POSTER CANVA

